

“Saya tetap hormat UiTM Lions, esok (hari ini) pasti sengit, kami jumpa di final sirkit MASUM baru-baru ini, walaupun menang tapi pemain tak boleh ambil mudah

Khairizal Ali Ahmad

HARIAN METRO



Kuala Lumpur: Pasukan Serdang Angels dan UiTM Lions membuktikan mereka adalah kuasa besar sukan ragbi apabila menempah tempat ke perlawanan akhir Ragbi Super 8 IPT 2019, semalam.

Pada perlawanan separuh akhir itu, Serdang Angels tampil garang apabila mudah membelasah Majlis Sukan Kolej Komuniti (Maskom) 113-10.

Membariskan tiga pemain kebangsaan, Mohamad Khairul Abdullah Ramli, Lawrence Petrus dan Muhammad Hafizin Aiman Halim, ternyata Serdang Angels bukan lawan Maskom.

Tiga try pemain sayap Muhammad Fitri Abdullah meletakkan dia penjaring ter-



Serdang Angels, UiTM Lions tentu juara

banyak Serdang Angels dalam aksi separuh akhir.

Berbekalkan status juara lima kali, Serdang Angels yang menempah tiket ke perlawanan akhir buat kali keenam itu diletakkan sebagai pasukan pilihan untuk muncul juara.

“Saya tetap hormat UiTM Lions, esok (hari ini) pasti sengit, kami jumpa di final sirkit MASUM baru-baru ini, walaupun menang tapi pemain tak boleh ambil mudah,” kata jurulatih Serdang Angels, Khairizal

Ali Ahmad.

Sementara itu, UiTM Lions turut membuktikan mereka bukan calang-calang pasukan apabila meraih kemenangan selesa ke atas Majlis Sukan Politeknik Malaysia (MSPM) dengan keputusan 31-7.

Ia perhitungan kali kelima membabitkan kedua-dua pasukan itu dalam aksi akhir. Lions turut dibantu dua pemain kebangsaan Mohamad Faris Pead dan Muhammad Danial Noor Hamid bagaimanapun me-

ngakui Serdang Angels mempunyai kelebihan pada perlawanan akhir.

“Kelebihan pada Serdang Angels kerana membawa masuk beberapa pemain kebangsaan dari UKM dan UTHM untuk Super 8, kami lebih kepada membuat perancangan membariskan pemain muda bagi tujuan pembangunan jangka panjang” kata jurulatih UiTM Lions, Zamri Kahar.

Perlawanan akhir akan berlangsung di Stadium UPM, jam 4 petang ini.